

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

**HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR DI TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH TEKNIK N.
SEMBILAN**

. Azizi Hj. Yahaya
Shareeza Abdul Karim
UTM Skudai
Noordin Yahaya
Jabatan Pengurusan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Segamat
85000, Johor

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga ingin mengenalpasti gaya pembelajaran yang manakah menjadi amalan pelajar atau yang paling dominan dengan pelajar ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Seramai 109 orang pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa Al-Haj, Kuala Kelawang, Jelebu, Negeri Sembilan dan Sekolah Datuk Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan telah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik adalah daripada Learning Styles Questionnaires Honey and Mumford (1992), yang mengandungi lapan puluh soalan telah digunakan untuk kajian ini. Bagi faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru telah disediakan tiga puluh soalan. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 15 orang pelajar bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai kebolehpercayaan yang telah diperolehi adalah 0.8867. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Statistic Package For Social Science (SPSS) For WINDOW release 10.0. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data dalam kajian hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Nilai pekali p di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar adalah $p=0.1$ hingga 0.5 . Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara dua pembolehubah tersebut. Kajian ini juga telah mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar ialah gaya pembelajaran Reflektor diikuti dengan Teoris, Pragmatis dan akhir sekali ialah Aktivistik. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara perbezaan gaya pembelajaran dengan latar belakang keluarga dan juga terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar.

Pengenalan

Di dalam buku mereka Learning style Inventory Development And Research (1982) dalam Mok Soon Sang (2001), Dunn dan Dunn menghuraikan gaya belajar sebagai cara bagaimana unsur-unsur daripada lima rangsangan, iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi dan psikologi, dapat mempengaruhi keupayaan seseorang individu untuk memahami, berinteraksi dan bertindak balas kepada persekitaran pembelajarannya.

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

Menurut Honey and Mumford (1986), gaya pembelajaran boleh dikategorikan kepada empat jenis iaitu aktivis, reflektis, teoritis dan pragmatis. Gaya pembelajaran ini berkait rapat dengan sikap, personaliti dan ciri-ciri seseorang individu tersebut.

Gaya belajar adalah merangkumi pemikiran luaran dan dalaman dan tingkah laku yang membolehkan pembelajaran yang berkesan mengikut Claire Weinstein (1987). Dengan kata lain, gaya belajar dapat mencungkil cara pemikiran yang berkesan supaya mendapat pencapaian akademik yang baik. Dunn (1978) mengesyorkan agar para guru, pelajar dan ibubapa memahami gaya belajar pelajar dan menganggap perbezaan yang ada pada diri seseorang pelajar itu merupakan satu keistimewaan dan dapat menggunakan keistimewaan mereka itu secara berkesan dalam pembelajaran mereka.

Memandangkan gaya belajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka, maka pemilihan gaya belajar yang baik merupakan satu tugas yang berat. Memang wujud beberapa gaya belajar yang umum yang boleh diambil kira oleh pelajar, namun ada yang menampakkan perbezaan-perbezaan yang agak ketara. Misalnya ada yang banyak bergantung kepada pembelajaran melalui pengajaran guru dan ada pula yang memberi banyak penekanan pada pembelajaran sendiri.

Di dalam keputusan peperiksaan yang diperolehi terdapat perbezaan pencapaian setelah pelajar-pelajar melalui peperiksaan PMR yang dijalankan. Perbezaan pencapaian ini adalah perkara biasa. Peperiksaan digunakan untuk mengukur sejauh manakah dan sebanyak manakah perkara-perkara yang telah dipelajari itu tercapai lebih-lebih lagi setiap pelajar mempunyai gaya belajar yang berbeza, sudah pastinya gaya belajar yang paling sesuai dengan dirinya mahupun yang terbaik sudah pasti menyumbangkan hasil yang memuaskan.

Setiap individu mempunyai strategi belajar yang berbeza dan kadarnya berlainan dengan individu yang lain, walaupun umur mereka adalah sama. Perbezaan individu adalah diertikan sebagai ketidaksamaan dalam aspek perkembangan secara fizikal, mental, emosi dan sosial di kalangan individu. Mengikut Dictionary of Psychology (1973) dalam Santhi Suppiah (2000), perbezaan individu diuraikan sebagai “Variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulan, sama ada sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial, bakat dan lain-lain aspek yang mungkin terdapat di kalangan individu dalam sesuatu kumpulan.”

Tumpuan kajian ini adalah pada pelajar yang telah menduduki Penilaian Menengah Rendah dan telah pun mendapat keputusan mereka. Kebanyakan daripada mereka memilih jurusan berdasarkan keputusan mereka yang lalu. Persoalan timbul adakah samada pelajar-pelajar di sekolah mempunyai strategi belajar yang berlainan dan jika ya, apakah aspek-aspek yang menunjukkan perbezaan tersebut dan faktor-faktor yang mempengaruhi gaya belajar pelajar-pelajar tersebut iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi dan psikologi. Melalui rangsangan persekitaran, emosi, fisiologi, sosiologikal dan psikologikal ini adakah ianya terdapat hubung kait terhadap gaya pembelajaran pelajar.

Pelajar-pelajar juga mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Ada pelajar-pelajar yang suka melibatkan diri secara aktif, suka memerhati, gemar menggunakan prinsip dan teori dan ada yang lebih mementingkan hakikat yang sebenar. Semua ini merupakan pemasaalah yang perlu dikenalpasti oleh guru-guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran berjalan di dalam kelas supaya ianya berjalan dengan lancar dan segala perancangan pengajaran dapat dilakukan dengan baik. Guru juga boleh

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

bersedia berhadapan dengan pelajar dan tahu cara apakah yang terbaik untuk mengajar pelajar-pelajar ketika di dalam kelas.

Melalui penyelidikan jenis-jenis gaya pembelajaran ini, dapatlah dikenalpasti cara gaya pembelajaran apakah yang paling dominan, disukai dan menjadi amalan dikalangan pelajar-pelajar di sekolah. Melalui kepastian jenis-jenis gaya pembelajaran pelajar-pelajar ini, penyelidik ingin menyelidik sama ada terdapat hubung kait di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Sejak 1982, Honey dan Mumford (1992), telah menjalankan beberapa kajian untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang dominan bagi beberapa kumpulan. Mereka telah mendapati bahawa terdapat empat jenis gaya pembelajaran yang ketara, iaitu aktivis (activist), reflektif/reflektor (reflector), teoris (theorist) dan pragmatik (pragmatist).

Jenis-jenis gaya pembelajaran yang dikategorikan oleh Honey dan Mumford ini berkait rapat dengan sikap pelajar-pelajar contohnya cara belajar seseorang yang merupakan gaya pembelajaran aktivis adalah orang yang mempunyai ciri-ciri sikap yang tidak sabar, mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi terhadap perkara-perkara baru, bergerak pantas dan cepat membalas. Pelajar-pelajar yang tergolong dalam kumpulan ini biasanya suka melibatkan diri dalam latihan amali, permainan, sukan dan aktiviti kokurikulum.

Dunn (1979) dalam menghuraikan pembelajaran sebagai satu strategi menyatakan bahawa kajian yang dilakukan semenjak abad yang lalu menunjukkan bahawa strategi belajar seseorang adalah berbeza diantara satu sama lain tanpa mengira umur, status sosio-ekonomi atau IQ. Sesetengah sifat belajar juga turut berubah apabila kanak-kanak membesar dan semakin matang, manakala sesetengah sifat kanak-kanak itu kekal tidak berubah dan sifat-sifat yang tidak berubah inilah yang membawa kesan kepada pencapaian akademik kanak-kanak tersebut seperti yang dikatakan oleh Dunn (1984) dalam Santhi Suppiah (2000).

Gaya belajar sebelum memasuki sekolah-sekolah ini mungkin berbeza ataupun sama seperti sebelum itu. Jika gaya belajar berpadanan dengan jurusan yang diambil, maka ini akan memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik mereka. Dunn (1979) mendapati apabila kaedah, sumber dan program dipadansuaikan dengan sifat-sifat strategi belajar pelajar, maka pencapaian akademik dan sikap pelajar akan meningkat dan sebaliknya jika padanan tidak sesuai, pencapaian akademik dan sikap pelajar akan merosot.

Pernyataan masalah

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru memainkan peranan yang penting tetapi peranan guru sahaja tidak mencukupi. Prestasi pelajar sememangnya bergantung kepada peranan guru dan juga peranan pelajar itu sendiri. Peranan guru bukan saja sebagai pendidik tetapi juga sebagai pembimbing, pentadbir, perancang, pengelola dan penilai. Namun demikian, prestasi pelajar banyak bergantung kepada usaha pelajar itu sendiri sebelum menduduki peperiksaan. Pelajar-pelajar seharusnya telah menjalankan usaha-usaha bagi mencapai prestasi yang baik. Tetapi persediaan bukan pada akhir-akhir waktu sahaja tetapi sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Secara umumnya gaya belajar yang baik harus dipraktikkan supaya prestasi akademik baik.

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Seseorang pelajar mula membentuk gaya pembelajaran sejak awal kanak-kanak. Selepas itu, dia akan terus menggunakan gaya pembelajaran tersebut. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang pelajar, mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Menurut Dunn dan Dunn (1978), elemen-elemen yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar adalah seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fisiologikal dan psikologikal.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar-pelajar tingkatan empat SMDUMA dan SDAR dan hubungannya dengan pencapaian akademik mereka. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengetahui gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar tingkatan empat di sekolah.
- ii. Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara perbezaan gaya pembelajaran dengan latar belakang keluarga pelajar tingkatan empat di sekolah.
- iii. Untuk mengetahui perhubungan faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar di sekolah.
- iv. Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah.

Kepentingan kajian

Hasil yang diperolehi daripada kajian adalah penting untuk memberikan gambaran yang lebih jelas faktor-faktor yang mempengaruhi gaya belajar pelajar Tingkatan Empat sekolah luar bandar dan dalam bandar kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Pelajar dapat mengenalpasti gaya belajar masing-masing dan dapat pengetahuan tentang kepentingan gaya belajar terhadap pembelajaran mereka. Guru dapat mempelbagaikan teknik, pendekatan pengajaran, bahan dan aktiviti mengikut aras aspirasi murid dan memantapkan lagi kaedah pengajaran mereka dan memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pelajar agar sesuai dengan strategi belajar pelajar.

Ibubapa dapat menyediakan keperluan fizikal dan mental kepada anak-anak dengan menyediakan keperluan belajar yang terbaik dari segi mental dan fizikal yang diperlukan oleh anak-anak mereka. Pihak sekolah dapat mentadbir sekolah dengan baik agar aktiviti kurikulum berjalan dengan lancar serta dapat menjalankan program-program dalaman yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Negeri Sembilan. Kawasan ini amat sesuai pada pendapat penyelidik kerana kawasan ini merupakan kawasan yang terdekat dengan sumber-sumber penyelidikan. Dalam kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa Al-Haj, Jelebu, Kuala Kelawang, Negeri Sembilan (SMDUMA) dan Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan (SDAR). Kedua-dua buah sekolah ini dipilih kerana sekolah ini adalah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan model gaya belajar Honey dan Mumford dan Dunn dan Dunn dengan sedikit pengubahsuaian. Penyelidik menggunakan model ini kerana lebih menfokuskan kepada proses kaunseling dalam pengajaran pembelajaran serta melihat satu-satu proses tingkah laku dalam sudut yang pelbagai. Soal selidik yang digunakan adalah dari soal selidik model gaya belajar Dunn & Dunn dan Honey & Mumford.

Metodologi Kajian Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian yang berbentuk tinjauan. Penyelidik hanya meninjau situasi pada satu masa tertentu sahaja, seolah-olah satu 'foto-snapshot' tentang satu peristiwa. Ia tidak dapat menerangkan kajian lanjutan kecuali pola pada satu-satu peringkat masa sahaja (Mohd.Najib Ghaffar 1999).

Segala pembolehubah-pembolehubah telahpun disasarkan dan dikenal pasti di dalam bab I. Data yang diperolehi dari set soal selidik yang diedarkan akan ditukarkan dalam bentuk perangkaan dengan menggunakan perisian 'SPSS version 10.0 for Windows'(Statistical Packages for Social Sciences). Perangkaan diproses dan dianalisis dengan tujuan untuk mendapatkan keputusan dan hasil kajian.

Populasi dan Sampel

Keseluruhan subjek terdiri daripada 276 orang pelajar. Menurut Mohd.Najib (1999), jumlah sampel sebanyak 30% daripada populasi sudah memadai. Penyelidik memilih 150 orang pelajar sebagai mewakili 30% daripada populasi. Saiz sampel adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan kajian. Lebih besar peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi (Mohd.Najib Ghaffar, 1999).

Instrumen Kajian

Penyelidik memilih soal selidik sebagai instrumen didalam kajian ini. Soal selidik mudah ditadbir dan ringkas bagi tujuan mengawal keutuhan maklumat yang diberi oleh sampel. Soal selidik juga akan membantu dan memudahkan sampel menjawab dengan cepat dan tepat. Dengan tugas yang mudah, sampel akan lebih bertanggungjawab dan memberikan kerjasama.

Kajian Rintis

Penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis bagi memperbaiki item soal selidik. Bagi tujuan ini seramai 15 orang dari kelas Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Luak Undang Musa Al-Haj, Kuala Kelawang telah dipilih untuk mengisi borang soal selidik ini.

Penyelidik mengumpul semula borang soal selidik dan seterusnya memproses data tersebut dengan menggunakan perisian SPSS bagi menguji kebolehpercayaannya. Kebolehpercayaan diuji melalui Alpha Cronbach Coefficiency Test dan nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima pakai.

Analisis Data

Maklumat dan keputusan dari hasil pemrosesan data bertujuan mendapatkan keputusan yang bermakna daripada data (Mohd.Majid, 1994). Data-data dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D diproses dengan menggunakan perisian komputer SPSS 10.5 for Windows (Statistical Packages for Social Science).

Hasil daripada analisis data terhadap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D akan dipamerkan dalam bentuk satu jadual. Pendekatan yang diunakan dalam menganalisis data adalah pendekatan statistik deskriptif dan inferensi. Secara deskriptif, data yang diperolehi akan dibentangkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan bentuk taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian. Penyelidik akan menggunakan pendekatan inferensi seperti kolerasi pearson. Pendekatan inferensi digunakan untuk merumuskan dan mentafsir data dengan lebih terperinci

Jadual 1: Taburan Min Keseluruhan Bagi Gaya Pembelajaran Yang Diamalkan Oleh Pelajar Di Sekolah

| Gaya Belajar | Min Keseluruhan |
|---------------------|------------------------|
| Reflektor | 2.45 |
| Teoris | 2.37 |
| Pragmatis | 2.33 |
| Aktivis | 2.25 |

Jadual 1 menunjukkan taburan min keseluruhan bagi gaya pembelajaran yang diamalkan pelajar di sekolah. Hasil daripada analisis didapati gaya Reflektor menunjukkan nilai tertinggi iaitu 2.45 dan ini menunjukkan gaya ini adalah paling diminati dikalangan pelajar diikuti oleh gaya belajar Teoris dengan nilai 2.37. Gaya pembelajaran Pragmatis merupakan yang ketiga diminati dimana ianya mencatat nilai 2.33 dan paling kurang diminati ialah gaya pembelajaran Aktivis dengan nilai 2.25. Min keseluruhan bagi keempat-empat gaya belajar tersebut ialah 2.35.

Mengetahui Pengaruh Gaya Pembelajaran Reflektor Terhadap Amalan Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah

Berdasarkan gaya pembelajaran Reflektor sebanyak 20 item telah dikemukakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu gaya pembelajaran yang manakah paling diminati oleh pelajar.

Berdasarkan kajian, didapati responden telah memilih persepsi setuju tertinggi item yang pertama, iaitu saya gemar membuat kerja apabila saya mempunyai masa yang mencukupi untuk membereskannya dimana telah mencatat peratusan tertinggi iaitu 78.9 peratus.

Item yang ke lapan belas iaitu berfikir dahulu dengan cermat sebelum bertindak adalah lebih baik telah mencatat peratusan kedua setuju yang tertinggi oleh responden iaitu sebanyak 78.0 peratus.

Item ketiga tinggi peratusan setujunya ialah item yang kedua iaitu saya berpuashati melaksanakan tugas dengan teliti sebanyak 75.2 peratus bermakna responden akan berasa berpuashati jika dapat merancang pelbagai pelbagai perkara sebelum melaksanakan sesuatu tugas.

Manakala peratusan yang keempat tertinggi ialah item yang kelapan, di mana 74.3 peratus responden bersetuju bahawa mereka suka mendengar pandangan orang lain terlebih dahulu sebelum memberi pandangan. Manakala item yang ketujuhbelas mencatat peratusan setuju yang terendah iaitu suka bersikap mendiamkan diri dari mengetahui atau lebih bercakap dalam sesuatu perbincangan sebanyak 22.9 peratus.

Berdasarkan jadual 4.12, nilai min bagi gaya pembelajaran Reflektor adalah diantara 1.92 hingga 2.74, manakala nilai min keseluruhan yang menunjukkan kecenderungan memusat bagi persoalan kajian ini ialah 2.45. Bagi sisihan piawai pula, secara keseluruhan nilainya adalah sebanyak 0.65 peratus. Berdasarkan min keseluruhan, didapati bahawa gaya pembelajaran Reflektor merupakan gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar-pelajar tingkatan empat disekolah.

4.3.1.1 Mengetahui Pengaruh Gaya Pembelajaran Teoris Terhadap Amalan Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah

Berdasarkan jadual 4.13, iaitu analisis bagi gaya pembelajaran teoritis, didapati item yang ke tiga belas iaitu saya percaya bahawa pemikiran yang rasional dan

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahru, 19-21 October 2003

logikal akan membawa kejayaan akhirnya telah mencatat peratusan setuju yang tertinggi iaitu sebanyak 68.8 peratus.

Item yang pertama dan yang ke sepuluh pula telah mencatat peratusan setuju kedua tertinggi yang sama iaitu 64.2 peratus. Responden telah bersetuju dengan pernyataan bahawa mempunyai keyakinan tentang apa yang benar dan salah serta yang baik dan buruk dan juga sesuatu yang menyakitkan hati ialah orang yang tidak serius dalam sesuatu perkara sebagai persepsi kedua setuju tertinggi.

Peratusan ketiga tertinggi ialah item yang ke sebelas iaitu responden setuju untuk lebih cenderung menuju ke arah kesempurnaan iaitu peratus setuju sebanyak 62.4 peratus.

Item yang ketiga iaitu saya sering menyoal orang tentang pandangan atau pendapat utama mereka mencatat persepsi keempat setuju tertinggi iaitu sebanyak 58.7 peratus.

Berdasarkan jadual 4.13, didapati bahawa item yang kelimabelas mencatat peratusan setuju terendah iaitu dalam perbincangan, saya tetap tegas dengan pendirian saya dan tetap ingin mencapai tujuan sebenar tanpa hirau orang lain dimana ianya hanya mencapai nilai sebanyak 22.0 peratus sahaja.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kesemua item, didapati bahawa nilai min bagi gaya pembelajaran Teoris adalah diantara 1.93 hingga 2.62. Manakala nilai min keseluruhan yang menunjukkan kecenderungan memusat terhadap persoalan ini adalah 2.37. Ini menunjukkan bahawa, terdapat juga responden yang gemarkan gaya pembelajaran Teoris ini. Sisihan piawai pula secara keseluruhannya untuk kesemua item tersebut ialah 0.69.

4.3.1.2 Mengetahui Pengaruh Gaya Pembelajaran Pragmatis Terhadap Amalan Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah

Merujuk kepada jadual 4.14, bagi gaya pembelajaran Pragmatis telah dikemukakan 20 item untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar.

Responden telah setuju memilih item yang ke duabelas sebagai persepsi setuju tertinggi iaitu mereka suka individu yang berpendirian teguh sebanyak 74.3 peratus.

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

Peratusan yang kedua setuju tertinggi peratusannya ialah 69.7 peratus iaitu responden bersetuju dengan item yang kesebelas dimana mereka berpendapat pernyataan laporan bertulis harus pendek, menepati sasaran dan menjurus kepada objektif utama.

Peratusan ketiga setuju tertinggi ialah sebanyak 67.9 peratus iaitu responden bersetuju dengan item kesembilanbelas dimana ianya berkenaan dengan pernyataan bahawa mereka lakukan apa saja yang wajar untuk membereskan tugasan.

Item yang ke keempatbelas mencatat peratusan keempat setuju tertinggi iaitu sebanyak 64.2 peratus dimana mereka berminat untuk mencuba sesuatu untuk melihat sama ada ianya berjaya secara praktikal. Manakala item yang keenambelas iaitu mereka menolak buah fikiran yang tidak logik dan bukan-bukan dan menganggapnya sesuatu yang tidak sesuai merupakan peratus setuju terendah iaitu sebanyak 31.2 peratus.

Merujuk jadual 4.14, didapati bahawa nilai min bagi gaya pembelajaran Pragmatis adalah diantara 1.97 hingga 2.61. Nilai min keseluruhan yang menunjukkan kecenderungan memusat terhadap persoalan ini adalah 2.33. Berkenaan sisihan piawai, secara keseluruhan nilai bagi sisihan piawai untuk kesemua item tersebut ialah sebanyak 0.69. Berdasarkan nilai min keseluruhan, didapati bahawa responden yang suka mengamalkan gaya pembelajaran Pragmatis ini adalah tidak ramai atau kurang bilangannya.

4.3.1.3 Mengetahui Pengaruh Gaya Pembelajaran Aktivistik Terhadap Amalan Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah

Berdasarkan jadual 4.15, sebanyak 20 item berkenaan gaya pembelajaran Aktivistik dikemukakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu untuk mengetahui amalan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar.

Item yang ketujuh telah mencatat peratusan setuju yang tertinggi oleh responden iaitu sebanyak 89.0 peratus, dimana responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka suka kepada kepada orang yang periang.

Item yang keenam pula mencatat peratusan kedua setuju tertinggi iaitu 73.4 peratus dimana responden bersetuju dan berminat menghadapi cabaran yang melibatkan sesuatu yang baru dan berlainan.

Peratusan ketiga tinggi pula telah dipilih oleh responden dimana mereka telah memilih item yang keempat iaitu mereka suka mencari pengalaman baru iaitu sebanyak 65.1 peratus setuju ketiga tertinggi.

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

Melalui analisis yang dilakukan berdasarkan jadual 4.15, didapati bahawa item yang mencatat peratusan yang terendah ialah item yang kesebelas iaitu biasanya dalam perbincangan mereka banyak menyumbangkan idea-idea yang luarbiasa dimana ianya amat kurang peratusan setujunya iaitu sebanyak 24.8 peratus sahaja.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kesemua item yang telah dianalisis, didapati bahawa nilai min bagi gaya pembelajaran Aktivis ialah diantara 1.93 hingga 2.86 dan nilai min keseluruhannya ialah 2.25. Ini menunjukkan bahawa tidak ramai bilangan pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran Aktivis ini jika dibandingkan dengan gaya pembelajaran yang lain iaitu gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis dan Teoris.

Berkenaan dengan sisihan piawai pula, nilai keseluruhan yang diperolehi ialah sebanyak 1.42 untuk kesemua item tersebut.

4.3.2 Hubungkait Di antara Perbezaan Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Latar Belakang Keluarga Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua adakah terdapat hubungkait di antara faktor taraf pendidikan ibubapa dan penjaga, analisis secara kolerasi yang menggunakan statistik Pearson digunakan.

Jadual 4.16: Korelasi Di Antara Perbezaan Gaya Pembelajaran Dengan Sosio Ekonomi Keluarga.

| Gaya Belajar | Nilai Kolerasi r | Aras Signifikan p | Jumlah Responden |
|---------------------|-------------------------|--------------------------|-------------------------|
| Reflektor | 0.104 | 0.284 | 109 |
| Pragmatis | 0.138 | 0.138 | 109 |
| Aktivis | 0.113 | 0.243 | 109 |
| Teoris | 0.245 | 0.010 | 109 |
| Keseluruhan | 0.200 | 0.037 | 109 |

Berdasarkan jadual 4.16, menunjukkan hubungan perbezaan gaya pembelajaran pelajar dengan sosio ekonomi keluarga. Bagi gaya pembelajaran Reflektor, nilai signifikan $p=0.284$ ini menunjukkan $p=>0.05$. Manakala indeks korelasi menunjukkan nilai $r=0.104$, ini menunjukkan bahawa hubungan yang lemah. Tapi tiada terdapat hubungan yang signifikan kerana $p=>0.05$.

Bagi gaya pembelajaran Pragmatis nilai $p=0.138$ dan tida hubungan yang signifikan diantara kedua pembolehubah. Nilai korelasi menunjukkan nilai indeks $r=0.138$ dan ini menunjukkan hubungan yang lemah diantara kedua pembolehubah.

Dalam pada itu, nilai signifikan bagi gaya pembelajaran aktivis ialah $p=0.242$. Nilai ini adalah $p=<0.05$ dan tiada terdapat hubungan yang signifikan antara

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

kedua pembolehubah. Nilai indeks korelasinya pula mencatat nilai $r=0.113$ dan ini menunjukkan nilai tersebut adalah dalam lingkungan hubungan yang sangat lemah di antara gaya pembelajaran Aktivis dengan faktor sosio ekonomi keluarga responden.

Berlainan pula dengan gaya pembelajaran Teoris dimana nilai signifikan $p=0.037$ dan nilai ini adalah kurang dari 0.05 pada aras signifikan 0.05, bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara kedua pembolehubah. Nilai indeks korelasi bagi gaya pembelajaran ini ialah $r=0.245$ dan ini bermakna terdapat hubungan yang lemah di antara kedua pembolehubah kerana korelasinya rendah.

Secara keseluruhannya, analisis data yang dibuat menunjukkan kesemua gaya pembelajaran tersebut memberikan nilai signifikan $p=0.037$ pada aras signifikan 0.05. Nilai ini yang kurang dari 0.05 telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara keempat-empat gaya pembelajaran dengan faktor sosio ekonomi keluarga. Indeks korelasi pula menunjukkan nilai $r=0.200$ dan ini tergolong dalam kategori hubungan yang lemah di antara kesemua gaya pembelajaran tersebut dengan faktor sosio ekonomi keluarga.

Dengan ini dapatlah dinyatakan bahawa memang terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Teoris dan Aktivis dengan faktor sosio ekonomi keluarga.

4.3.3 Hubungan Di antara Rangsangan Rakan Sebaya, Keluarga dan Pengajaran Guru

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu untuk mengenalpasti tentang hubungkait gaya pembelajaran reflektor, pragmatis, aktivis dan teoritis dengan faktor rangsangan dari rakan sebaya, keluarga dan faktor pengajaran guru, masih menggunakan korelasi linear Pearson berdasarkan interpretasi dari Guildford (1956).

Berdasarkan nilai pekali korelasi kita boleh menilai kekuatan hubungan antara pembolehubah. Jika nilai yang diperolehi menghampiri +1 atau -1, ini menunjukkan wujud hubungan yang kuat antara pembolehubah.

4.3.3.1 Hubungan Di antara Rangsangan Rakan Sebaya Dengan Gaya Pembelajaran

Jadual 4.17: Korelasi Di antara Rangsangan Rakan Sebaya Dengan Gaya Pembelajaran

| Gaya Pembelajaran | Nilai Kolerasi r | Aras Signifikan p | Jumlah Responden |
|--------------------------|-------------------------|--------------------------|-------------------------|
|--------------------------|-------------------------|--------------------------|-------------------------|

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

| | | | |
|-------------|-------|-------|-----|
| Reflektor | 0.389 | 0.000 | 109 |
| Pragmatis | 0.159 | 0.098 | 109 |
| Teoris | 0.311 | 0.001 | 109 |
| Aktivis | 0.114 | 0.240 | 109 |
| Keseluruhan | 0.316 | 0.001 | 109 |

Berdasarkan jadual 4.17 diatas, untuk melihat perkaitan antara rangsangan rakan sebaya dengan gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Teoris dan Aktivis, nilai signifikan dan indeks korelasi digunakan. Nilai signifikan bagi kedua-dua pembolehubah iaitu di antara gaya pembelajaran Reflektor dengan rangsangan rakan sebaya ialah $p=0.000$ pada aras signifikan 0.01 dan ini adalah suatu nilai yang menunjukkan bahawa $p < 0.05$. Manakala hubungannya adalah lemah dengan indeks kolerasi $r=0.389$. Keadaan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor dengan rangsangan rakan sebaya. Hubungan di antara kedua-dua pembolehubah tersebut adalah rendah.

Bagi gaya pembelajaran Pragmatis, terdapat juga hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah ini di mana nilai signifikan yang diperolehi adalah $p=0.098$. manakala indeks korelasinya adalah $r=0.159$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang sangat lemah. Dengan ini, dapatlah dinyatakan bahawa wujudnya hubungan yang sangat lemah di antara gaya pembelajaran Pragmatis dengan rangsangan rakan sebaya.

Demikian juga halnya dengan gaya pembelajaran Teoris dengan rangsangan rakan sebaya dimana terdapat hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah tersebut dan nilai yang telah diperolehi ialah $p=0.001$ pada aras signifikan 0.001. Indeks korelasi pula ialah $r=0.311$ dan ini menunjukkan terdapat hubungan yang lemah di antara kedua-dua pembolehubah.

Bagi gaya pembelajaran Aktivis dengan rangsangan rakan sebaya pula tidak terdapat hubungan yang signifikan dimana nilai signifikan ialah $p=0.240$, ianya menunjukkan nilai $p > 0.05$. Ini bermakna tidak terdapat hubungan diantara gaya pembelajaran ni dengan rangsangan rakan sebaya. Manakala indeks korelasinya ialah $r=0.114$ dan ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah.

Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran ini telah menunjukkan nilai signifikan $p=0.001$ pada aras signifikan 0.001, dan ianya adalah $p < 0.05$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan diantara keempat-empat gaya pembelajaran tersebut dengan rangsangan rakan sebaya. Nilai indeks korelasinya pula mencatat nilai $r=0.316$ dan ini menunjukkan terdapat hubungan yang lemah.

Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Teoris dan Aktivis dengan rangsangan rakan sebaya.

4.3.3.2 Hubungan Di antara Rangsangan Keluarga Dengan Gaya Pembelajaran

Jadual 4.18: Korelasi Di antara Rangsangan Keluarga Dengan Gaya Pembelajaran

| Gaya Pembelajaran | Nilai Kolerasi r | Aras Signifikan p | Jumlah Responden |
|--------------------------|-------------------------|--------------------------|-------------------------|
| Reflektor | 0.176 | 0.067 | 109 |
| Pragmatis | 0.200 | 0.037 | 109 |
| Aktivis | 0.022 | 0.819 | 109 |
| Teoris | 0.237 | 0.013 | 109 |
| Keseluruhan | 0.205 | 0.032 | 109 |

Berdasarkan jadual 4.18 di atas, menunjukkan nilai korelasi di antara rangsangan keluarga dengan gaya pembelajaran pelajar. Bagi gaya pembelajaran reflector, menunjukkan nilai signifikan $p=0.067$. Ini bermakna tiada hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran reflektor dengan faktor rangsangan keluarga kerana nilainya kurang dari 0.05. Nilai indeks korelasinya pula menunjukkan $r=0.176$ dan ini bermakna hubungan di antara kedua pembolehubah adalah sangat lemah.

Bagi gaya pembelajaran Pragmatis, nilai signifikan ialah $p=0.037$ pada aras 0.05 dan ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara kedua pembolehubah. Nilai indeks korelasi menunjukkan nilai $r=0.200$ dan menunjukkan terdapat hubungan yang lemah di antara gaya pembelajaran Pragmatis dengan faktor rangsangan keluarga.

Gaya pembelajaran Aktivis pula menunjukkan nilai signifikan $p=0.819$ dan ini tiada hubungan yang signifikan di antara kedua pembolehubah kerana nilai $p>0.05$. Manakala, indeks korelasinya menunjukkan nilai $r=0.022$ dan ini menunjukkan perhubungan yang sangat lemah di antara kedua-dua pembolehubah.

Secara keseluruhannya, setelah keempat-empat gaya pembelajaran ini digabungkan telah memberikan nilai signifikan $p=0.032$ pada aras signifikan 0.05, bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara keempat-empat pembolehubah ini.

Bagi nilai indeks korelasi pula, keseluruhannya telah mencatat nilai $r=0.205$ dimana ini menunjukkan hubungan yang lemah di antara gaya pembelajaran Pragmatis, Reflektor, Aktivis dan Teoris dengan faktor rangsangan keluarga.

Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa masih terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Teoris dan Aktivis dengan faktor rangsangan keluarga.

4.3.3.3 Hubungan Di antara Rangsangan Pengajaran Guru Dengan Gaya Pembelajaran

Jadual 4.19: Korelasi Di antara Rangsangan Pengajaran Guru Dengan Gaya Pembelajaran

| Gaya Pembelajaran | Nilai Kolerasi r | Aras Signifikan p | Jumlah Responden |
|--------------------------|-------------------------|--------------------------|-------------------------|
| Reflektor | 0.336 | 0.001 | 109 |
| Pragmatis | 0.348 | 0.001 | 109 |
| Aktivis | 0.127 | 0.187 | 109 |
| Teoris | 0.404 | 0.001 | 109 |
| Keseluruhan | 0.397 | 0.001 | 109 |

Berdasarkan jadual 4.19 menunjukkan nilai korelasi di antara faktor rangsangan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar. Bagi gaya pembelajaran Reflektor, nilai signifikan $p=0.001$ pada aras signifikan 0.01 dan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran Reflektor dengan faktor rangsangan pengajaran guru. Nilai indeks korelasi pula menunjukkan $r=0.336$ dan ini bermakna terdapat hubungan yang lemah di antara gaya pembelajaran Reflektor dengan pengajaran guru.

Gaya pembelajaran Pragmatis mencatatkan nilai signifikan $p=0.001$ pada aras signifikan 0.01 dan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kedua pembolehubah kerana nilai $p<0.05$. Indeks korelasi pula mencatat nilai $r=0.348$ dan ini diintreprestasikan sebagai mempunyai hubungan yang lemah di antara kedua pemboleh ubah.

Gaya pembelajaran Aktivis mencatatkan nilai signifikan $p=0.187$ dan nilai ini adalah $p>0.05$, bermakna tiada hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Aktivis dengan faktor rangsangan pengajaran guru. Nilai indeks korelasinya pula mencatat nilai $r=0.127$ dan ini menunjukkan hubungan yang lemah di antara kedua pembolehubah.

Gaya pembelajaran Teoris mencatat nilai signifikan $p=0.001$ dan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Teoris dengan rangsangan pengajaran guru kerana $p<0.05$. Nilai indeks korelasinya mencatat nilai $r=0.404$ dan ini bermakna terdapat hubungan yang sederhana di antara kedua pembolehubah.

Secara keseluruhannya, nilai signifikan yang didapati dari keempat-empat gaya pembelajaran tersebut ialah $p=0.001$ pada aras signifikan 0.01 dan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara keempat-empat gaya

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

pembelajaran dengan rangsangan dari pengajaran guru. Nilai indeks korelasi mencatat nilai $r=0.397$ dan ini terdapat hubungan yang lemah diantara keempat-empat gaya pembelajaran dengan rangsangan pengajaran guru.

Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Aktivis dan Teoris dengan faktor rangsangan pengajaran guru.

4.3.4 Hubungan di antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Jadual 4.20: Korelasi Hubungan Di antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik

| Gaya Pembelajaran | Nilai Kolerasi r | Aras Signifikan p | Jumlah Responden |
|--------------------------|-------------------------|--------------------------|-------------------------|
| Reflektor | 0.126 | 0.191 | 109 |
| Pragmatik | 0.061 | 0.531 | 109 |
| Aktivis | 0.039 | 0.688 | 109 |
| Teoris | 0.0064 | 0.509 | 109 |
| Keseluruhan | 0.094 | 0.333 | 109 |

Jadual 4.20 menunjukkan korelasi hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik bagi menjawab persoalan kajian yang keempat, adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Bagi gaya pembelajaran Reflektor nilai signifikan $p=0.191$ dan ini bermakna tiada hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor dengan pencapaian akademik kerana nilai $p>0.05$. Nilai indeks korelasi mencatat nilai $r=0.126$ dan ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah di antara kedua pembolehubah kerana kurang dari 0.20.

Gaya pembelajaran Pragmatis pula mencatat nilai signifikan $p=0.531$ dan ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan. Nilai indeks korelasi mencatat $r=0.061$ dan hubungan adalah sangat lemah. Gaya pembelajaran Teoris mencatat nilai signifikan $p=0.688$ dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua pembolehubah dan nilai indeks korelasi ialah $r=0.039$ ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Gaya pembelajaran Aktivis mencatat nilai signifikan $p=0.509$ dan ini tidak terdapat hubungan yang signifikan dan nilai indeks korelasi $r=0.064$ menunjukkan hubungan antara kedua pembolehubah adalah sangat lemah.

Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran Reflektor, Pragmatis, Aktivis dan Teoris mencatat nilai signifikan $p=0.333$ dan ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara keempat-empat pembolehubah. Secara dasarnya, gaya pembelajaran

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

pelajar-pelajar tidak mempengaruhi pencapaian akademik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

5.3 Cadangan

Hasil dari rumusan dan perbincangan, maka penyelidik ingin mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian dan langkah-langkah kearah mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran pelajar-pelajar agar pencapaian dari sudut jasmani, rohani, emosi dan intelektual lebih bermutu. Cadangan ini melibatkan pihak-pihak yang tertentu khususnya para guru, ibubapa dan pihakberwajib. Diantara cadangan tersebut adalah seperti butiran dibawah:

- i. Pelajar adalah dikehendaki dengan sedaya upaya mengenalpasti gaya pembelajaran masing-masing melalui sesi temubual dengan pihak kaunselor sekolah atau Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah masing-masing.
- ii. Pelajar diberi pengetahuan tentang kepentingan gaya pembelajaran terhadap pembelajaran mereka.
- iii. Guru hendaklah mempelbagaikan teknik, pendekatan pengajaran, bahan dan aktiviti yang disediakan mengikut aras aspirasi murid.
- iv. Guru hendaklah meletakkan tahap profesionalisme ke tahap sebaik mungkin dalam hal-hal membimbing, memberi sokongan dan memotivasikan pelajar.
- v. Menilai dan mengkaji kecenderungan pelajar dari masa ke semasa.
- vi. Menghidupkan persekitaran kelas yang ceria dan merangsang pembelajaran pelajar mengikut kemampuan mereka.
- vii. Meningkatkan kualiti penggunaan Bahan Bantu Mengajar sesuai dengan kaedah pengajaran yang dipilih untuk matapelajaran tersebut.
- viii. Kaunselor sekolah dan guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah membantu dan mengekalkan maklumat dalam mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar.
- ix. Ibubapa perlu tekankan konsep tanggungjawab sendiri dalam diri anak-anak bagi menghadapi suasana pembelajaran yang berubah mengikut masa.

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

- x. Ibubapa juga hendaklah memberi sokongan padu kepada pihak sekolah dalam memenuhi keperluan pembelajaran anak-anak.
- xi. Ibubapa perlu menyediakan keperluan fizikal anak-anak bagi memenuhi keperluan gaya pembelajaran anak-anak.
- xii. Ibubapa perlu memelihara iklim sosial yang baik di rumah agar nilai tersebut boleh digunakan di sekolah.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Dari hasil dan penemuan kajian, pemyelidik merasakan perlunya ada satu kajian lanjutan bagi memperkembangkan lagi skop kajian. Antara kajian lanjutan itu ialah seperti yang tersenarai di bawah.

- i. Kajian ini telah dijalankan di sekolah akademik biasa. Oleh itu dicadangkan agar kajian seumpama ini dapat dijalankan meliputi pelajar-pelajar dalam aliran teknik dan vokasional seperti gaya pembelajaran bagi matapelajaran Teknologi Kejuruteraan dan Lukisan Kejuruteraan.
- ii. Mengkaji gaya pembelajaran dengan mendapatkan perbezaan gaya belajar diantara pelajar yang cemerlang dan pelajar lemah.
- iii. Mengkaji hubungan perbezaan gaya pembelajaran dengan etnik, agama dan kepercayaan dikalangan pelbagai bangsa.
- iv. Mengkaji gaya pembelajaran terhadap skop matapelajaran yang berkaitan dengan amali dan bengkel.

Mengkaji hubungan perbezaan gaya pembelajaran dengan iklim dan budaya sekolah

BIBLOGRAFI

- Abusin Hamzah (1995). "Teknik Belajar Matapelajaran Matematik Di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Simpang Empat, Alor Gajah Melaka". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Abdul Karim Azis (2001). "Gaya Pembelajaran Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Daerah Kuching, Sarawak". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Hazil Abdul Hamid (1990). "Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Pembangunan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Honey, P and Mumford, A (1983). "Using Your Learning Styles." Maidenhead : Peter Honey.
- Khalid Mohamad Noor (1993). "Kaedah Pembelajaran Berkesan". Kuala Lumpur:

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahu, 19-21 October 2003

Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.

Kolb, D.A. (1985). "Learning Style Inventory: Technical Manual." Boston: Mc Ber and Company.

Mace C.A (1976). "The Psychology of Study". England: Penguin Books Limited.

Mok Soon Sang (2001). "Psikologi Pendidikan untuk Diploma Perguruan". Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Radzli Hashim (1993). "Kemahiran Belajar". Wawasan. 34-39.

Santhi Suppiah (1998). "Perbandingan Strategi Belajar pelajar-pelajar Aliran Sains dan Sastera Sekolah Menengah Methodist Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.

Sh.Alawiah Alsagoff (1983). "Ilmu Pendidikan Pedagogi". Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.

**National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-
Pacific, Johore bahru, 19-21 October 2003**